



JABATAN PERANGKAAN
M A L A Y S I A

SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 34/2020

RUJUKAN : 25 APRIL 2020



BANCI
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Statistik kes aktif dengan kebolehhangkitan merupakan indikator utama yang menggambarkan senario terkini jumlah jangkitan COVID-19 dalam negara. Perkembangannya ini turut dilihat menerusi kemajuan cerapan bilangan kes mengikut daerah yang mana sebanyak 40 daerah telah bebas jangkitan positif (tiada kes aktif) sehingga 24 April 2020. Sementara itu, terdapat 26 daerah yang masih mengekalkan rekod tanpa jangkitan sejak wabak ini mula menular. Ini menjadikan secara keseluruhannya 66 daerah atau 44.6 peratus daripada jumlah daerah di Malaysia telah dikategorikan sebagai zon hijau (tanpa kes jangkitan). Kedudukan bilangan daerah dalam kelompok zon merah juga mencatatkan penurunan apabila hanya 13 daerah yang masih mempunyai catatan kes aktif melebihi 41 kes berbanding sebanyak 30 daerah jika diukur berdasarkan kepada kumulatif kes positif. Setiap perbandingan ini memberikan gambaran tentang status kemajuan kaedah kawalan dan rawatan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam membendung penularan wabak berbahaya ini.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 25 April 2020 **kumulatif kes sembuh meningkat kepada 3,762** iaitu 65.5 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,882 kes yang masih aktif**. Sementara itu, sebanyak **51 kes positif baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **5,742 kes**. **Kawasan Lembah Klang kekal mendominasi** kes positif dengan menyumbang **sebanyak 45.6 peratus**, Zon Selatan (22.3 peratus), Wilayah Malaysia Timur (14.0 peratus), Zon Pantai Timur (9.6 peratus) dan Zon Utara (8.4 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes baharu** adalah menerusi catatan **di W.P Kuala Lumpur** dengan **merekodkan 39 kes**, disusuli Sarawak (10 kes) manakala Selangor dan Pahang masing-masing sebanyak 1 kes. Secara umumnya, tiada penambahan kes positif dicatatkan bagi negeri-negeri lain, sementara Kelantan, Pulau Pinang, Perak, Perlis dan W.P Labuan mengekalkan rekod tanpa catatan baharu sejak 18 April 2020. Selain itu, sejumlah **98 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan pertambahan **2 kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

Jumlah keseluruhan jangkitan COVID-19 di seluruh dunia meningkat kepada **2,812,557 kes** dengan melibatkan **197,217 kes kematian**. **Amerika Syarikat mendominasi** bilangan kes positif sebanyak **905,333 kes**, disusuli Sepanyol dengan 219,764 kes dan Itali sebanyak 192,994 kes. Sementara itu, **di peringkat ASEAN Singapura merekodkan** catatan 12,693 kes mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (8,211 kes), Filipina (7,294 kes) termasuk Malaysia (5,742 kes). **Kematian tertinggi** global direkodkan oleh **Amerika Syarikat iaitu 51,949 kes**, diikuti

Itali yang mencatatkan 25,969 kes, Sepanyol (22,524 kes) dan Perancis (22,279 kes). Kadar kematian peringkat dunia adalah 7.01 peratus manakala kes sembuh merekodkan 794,377 kes (28.24 peratus) seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada pelbagai rujukan memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

AS: Harga minyak meningkat pada hari Jumaat, mengakhiri kontrak AS yang jatuh ke -AS\$40 setong dipengaruhi oleh pengeluaran global yang tidak dapat diimbangi oleh kejatuhan permintaan yang mendadak. Transaksi komoditi minyak menjadi sangat tidak stabil sepanjang minggu lepas setelah aktiviti penjualan mendominasi transaksi permintaan yang jatuh 30 peratus akibat wabak COVID-19. Walaupun faktor-faktor lain seperti penurunan mendadak dalam rig penggerudian aktif di AS yang sepatutnya meningkatkan harga minyak, kesan positif diramal bagi bulan-bulan yang akan datang. **Pasaran niaga hadapan Brent meningkat 11 sen (0.5 peratus) kepada AS\$21.44 setong sementara West Texas Intermediate AS naik 44 sen (2.7 peratus) untuk ditutup pada AS\$16.94.** (Reuters)

JEPUN: Indeks Pelopor meningkat lebih tinggi daripada anggaran. Indeks pelopor yang mengukur aktiviti ekonomi pada masa hadapan, **meningkat kepada 91.7 pada bulan Februari 2020** berbanding 90.7 pada bulan sebelumnya. Sementara itu, **Indeks Serentak yang mencerminkan aktiviti ekonomi semasa turun ke 95.5** pada bulan Februari daripada 95.7 pada bulan Januari. **Indeks Susulan menurun kepada 100.8** pada bulan Februari daripada 102.0 pada bulan sebelumnya. (RTT)

SINGAPURA: Harga pengguna stabil pada bulan Mac 2020. Monetary Authority of Singapore dan Ministry of Trade and Industry melaporkan inflasi Singapura stabil pada bulan Mac 2020. **Indeks harga pengguna (IHP) kekal tidak berubah pada bulan Mac**, setelah kenaikan 0.3 peratus pada bulan sebelumnya. Prestasi ini adalah melangkaui jangkaan ahli ekonomi pada kadar -0.3 peratus. Sementara itu, **IHP teras turun 0.2 peratus pada bulan Mac**, menyusuli penurunan 0.1 peratus pada bulan sebelumnya. Kejatuhan ini disebabkan oleh penurunan kos perkhidmatan yang lebih besar. Agensi statistik rasmi Singapura **menjangkakan sumber inflasi luaran akan tetap baik pada suku yang akan datang**, dalam keadaan harga minyak yang rendah dan permintaan pengguna yang lemah kerana sekatan pergerakan untuk memerangi wabak COVID-19. Gangguan rantai bekalan yang disebabkan oleh COVID-19 dijangka menaikkan harga pada harga makanan yang diimport. Inflasi teras dan IHP semua barang diramal berada dalam jajaran -1 peratus dan 0 peratus pada tahun 2020. (RTT)

FILIPINA: Bank Pembangunan Asia (ADB) memberikan kebenaran untuk pinjaman pengeluaran pantas bernilai AS\$1.5 bilion kepada Filipina bagi membantu memerangi krisis kesihatan COVID-19. Ini adalah **pinjaman terbesar yang diberikan kepada Filipina oleh ADB setakat ini**. Program respons aktif COVID-19 dan perbelanjaan (CARES) ADB ini akan menyokong langkah-langkah kerajaan untuk membantu penduduknya mengatasi masalah kos kesihatan, ekonomi, dan sosial dalam memerangi wabak ini melalui bantuan pinjaman. Antara pakej bantuan COVID-19 oleh kerajaan Filipina adalah merangkumi **sokongan kepada isirumah Filipina, termasuk program subsidi kecemasan P205 bilion (AS\$ 4 bilion) yang merangkumi 18 juta keluarga** yang terlibat dalam sektor informal dan subsidi upah PKS bernilai P51 bilion bagi menyediakan bantuan sara hidup kepada 3.4 juta pekerja di sektor formal. Program-program ini mencakupi 85 peratus daripada semua isirumah di Filipina. (ANN)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

- 1) **Permintaan getah akan meningkat dari negara China** memandangkan industri negara tersebut akan mula beroperasi. **Kegiatan menoreh getah yang perlahan akibat PKP** mempengaruhi **jumlah stok** dan menyebabkan harga getah akan lebih mudah dijangka.
- 2) Bank pelaburan turut terkesan dengan pandemik COVID-19 yang melanda Malaysia. Pada suku pertama tahun 2020, **jumlah nilai pengumpulan dana ekuiti berjumlah kira-kira RM438 juta**, jatuh 84 peratus daripada RM2.7 bilion pada tempoh yang sama tahun lalu.
- 3) **Pengendali lebuhraya di Malaysia mencatatkan kerugian besar** disebabkan kekurangan pergerakan kenderaan sejak pelaksanaan PKP.
- 4) Syarikat pengedar kereta mewah **mencatatkan kerugian dua kali ganda pada suku tahun pertama 2020** iaitu RM9.7 juta berbanding RM4.36 juta setahun lalu.
- 5) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mendapati bahawa **bilangan pekerja yang kehilangan pekerjaan masih dalam julat yang terkawal** iaitu di bawah 6,000 pekerja sebulan.
- 6) 20 pihak berkuasa pelabuhan di seluruh dunia termasuk Lembaga Pelabuhan Klang **menandatangani deklarasi untuk mengekalkan pelabuhan masing-masing terbuka kepada perdagangan laut**. Menerusi deklarasi bersama ini, penandatanganan komited untuk bekerjasama dan memastikan, antara lainnya, kapal pedagang boleh terus berlabuh di terminal pelabuhan bagi **menjalankan operasi kargo dan mengekalkan pergerakan rantai bekalan global**.
- 7) FGV Dairy Farm mampu **memproses 800 tan susu segar sebulan** termasuk pengeluaran dari ladang seluas 4.04 hektar yang terletak di Linggi, Port Dickson, Negeri Sembilan
- 8) **Sentimen yang lemah di pasaran dan penjualan berterusan** dalam kaunter barangan pengguna dan perkhidmatan kewangan terpilih menyebabkan **Bursa Malaysia ditutup rendah**. FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) jatuh kepada 1,369.85 daripada 1,381.64 ketika ditutup semalam dengan penurunan sebanyak 11.79 mata.

- 9) Sarawak memperkenalkan **perkhidmatan Bazar Ramadan Online Sarawakku Sayang (BROSS)** yang merupakan bazar dalam talian, di Facebook.
- 10) **Lebih daripada 25,411 majikan** berdaftar dengan PERKESO telah memohon inisiatif di bawah **Program Pengekalan Pekerjaan (ERP)**, bagi **208,907 pekerja** yang mendapat notis cuti tanpa gaji.
- 11) Berjaya Corporation Berhad yang mempunyai 16 ribu pekerja mengambil langkah **pemotongan gaji, elaun tetap bulanan dan menawarkan cuti tanpa gaji** kepada semua anak syarikat kerana pandemik Covid-19. Langkah tersebut **termasuk pekerja dengan gaji pokok bulanan RM6,000 dan ke atas** (termasuk elaun) berkuatkuasa 1 April sementara cuti tanpa gaji pula berkuatkuasa 1 Mei.
- 12) **Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom)** akan memulakan operasi **bermula 29 April** untuk pemeriksaan berjadual kenderaan **komersial termasuk barang, perkhidmatan awam dan kenderaan pelancongan** melibatkan semua cawangan kecuali di Batu Caves, Pandan Mewah, Glenmarie and Taman Daya.
- 13) **Kerajaan Perak mahu Kerajaan Persekutuan** membenarkan industri yang **menyumbang kepada ekonomi negeri** untuk beroperasi sepanjang PKP. **Industri pembalakan** akan terjejas kerana terdapat kontrak pesanan yang perlu dipenuhi serta kerosakan pada kayu berkenaan. Sementara itu, kerajaan negeri diberi keizinan untuk **membenarkan industri kuari beroperasi** kerana tidak melibatkan orang awam serta lokasi yang jauh dari kawasan kediaman.
- 14) **PETRONAS menafikan** laporan berita **penutupan operasi pelantar** di Malaysia, sebaliknya **18 pelantar minyak** di negara ini **masih dalam operasi ketika ini**. Hanya pergantungan sementara bagi kerja di beberapa projek berikutan tempoh PKP. Kebanyakan projek itu sama ada **sudah menyambung semula aktiviti kerja mereka** atau akan **disambung semula** dalam tempoh terdekat selepas mendapat kelulusan yang diperlukan daripada kerajaan.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Malay Mail	<p>Socso: Unemployment below 6,000 a month, still manageable range</p> <p>The Social Security Organisation (Socso), through Employment Insurance System (EIS) has found that the number of workers losing their jobs is still within the manageable range of below 6,000 employees a month.</p> <p>It also gave assurances that all agencies under the Human Resource Ministry have been on the alert and are ready with various programmes and strategies to address mid-term and long-term unemployment issues.</p> <p>Socso's focus will be on helping the affected workers and the unemployed in general to be gainfully employed.</p>	<p>https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/25/socso-unemployment-below-6000-a-month-still-manageable-range/1860082</p>
2.	The Star	<p>Malaysia, brace for the 'new normal' post-MCO</p> <p>The full reopening of the economy could be delayed until early June 2020, beyond the fourth phase of the movement control order (MCO) that is expected to end on May 12.</p> <p>Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) research manager Lau Zheng Zhou believes that the economy might enter a "new normal" post-</p>	<p>https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/25/malaysia-brace-for-the-new-normal-post-mco</p>

		<p>MCO, instead of a return to normalcy.</p> <p>This is largely because of the extent of the demand and supply shocks on a global scale.</p> <p>Depending on the duration of the MCO period, the economy may see a one-off rebound in growth due to the low-base effect of slower growth in preceding quarters, but will then moderate for a longer time period before recovering more fully akin to a U-shape recovery.</p>	
3.	Berita Harian	<p>Harga getah dijangka meningkat sedikit minggu depan</p> <p>Pasaran getah Malaysia dijangka didagangkan dalam jajaran kecil dengan kecenderungan meningkat pada minggu depan. Ia disokong oleh getah pukal berikutan permintaan yang meningkat bagi sarung tangan perubatan.</p> <p>Presiden Persatuan Pengeluar Sarung Tangan Getah Malaysia (MARGMA), Denis Low, berkata pasaran dijangka menyaksikan pertambahan pembelian dari China memandangkan negara itu ke arah menamatkan sekatan keluar masuk secara perlahan-lahan akibat COVID-19 sebagai persediaan meneruskan operasi perindustrian mereka. Industri automotif China menjadi pengguna besar bagi</p>	<p>https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/04/681528/harga-getah-dijangka-meningkat-sedikit-minggu-depan</p>

		<p>getah kering, justeru, permintaan yang kukuh dari mereka dijangka meningkatkan harga sejajar dengan getah pukal.</p> <p>Kegiatan menoreh getah terus perlahan di negara ini ketika COVID-19 kerana belum ramai penoreh meneruskan pekerjaan itu dan dengan itu ia tidak menyediakan stok yang dapat menjejaskan harga.</p> <p>Stok getah yang kekal rendah akan menentukan harga getah yang lebih mudah dijangkakan di masa hadapan.</p>	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mendapati bahawa bilangan pekerja yang kehilangan pekerjaan masih dalam lingkungan yang dapat dikendalikan iaitu di bawah 6,000 pekerja sebulan. Agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia juga telah bersedia dengan pelbagai program dan strategi untuk menangani masalah pengangguran.
2. Persatuan Pengeluar Sarung Tangan Getah Malaysia (MARGMA) menyatakan bahawa permintaan getah akan meningkat dari negara China memandangkan industri negara tersebut akan mula beroperasi. Kegiatan menoreh getah yang perlahan akibat PKP mempengaruhi jumlah stok dan menyebabkan harga getah akan lebih mudah dijangka.

Maklumbalas Bahagian:

1. PKP yang dilaksanakan telah memberi kesan kepada aktiviti ekonomi dan selanjut turut memberi implikasi kepada pekerjaan dan pendapatan pekerja. Pada tahun 2018, pampasan pekerja telah menyumbang sebanyak 35.7 peratus kepada KDNK Malaysia pada harga semasa (RM515.9 bilion).
2. Stok yang rendah akibat situasi PKP yang menyebabkan penoreh tidak dapat keluar menoreh akan mempengaruhi harga jualan getah pada masa akan datang. Ini secara tidak langsung mempengaruhi prestasi sub sektor Pertanian Getah. Nilai ditambah sub-sektor tersebut telah merekodkan pertumbuhan perlahan pada ST4 2019 sebanyak 1.8 peratus (ST3 2019: 7.3%) Statistik pengeluaran getah pada Februari 2020 telah menunjukkan penurunan pengeluaran sebanyak 29.2 peratus pada asas tahunan (Jan 2020: 66,232 tan).

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	The Edge Markets	<p>F&N, Majuperak, KLK, Cycle & Carriage, FGV, Berjaya Land and Maxis</p> <p>A significant fall in sales saw Mercedes-Benz dealer Cycle & Carriage Bintang Bhd's (CCB) first quarter net loss more than double to RM9.7 million from RM4.36 million a year earlier.</p> <p>The fall is due to poor sales to softening demand in the premium luxury segment of the automotive industry.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/fn-majuperak-klk-cycle-carriage-fgv-berjaya-land-and-maxis
2.	The Star	<p>CPO futures to remain sluggish next week</p> <p>The crude palm oil (CPO) futures contract on Bursa Malaysia Derivatives is expected to remain sluggish next week as the market is left with no near-term catalyst.</p> <p>Expectations of higher production in coming weeks, which may contribute to higher stock levels in the country, are also not supporting the market.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/25/cpo-futures-to-remain-sluggish-next-week
3.	The Star	<p>Low commodities demand seen in the short term</p> <p>The commodity-related industries in Malaysia are grappling with the COVID-19 turmoil that has led to the current depressed prices and gloomy export outlook in the coming months.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/25/low-commodities-demand-seen-in-the-short-term

		With most industries globally at a standstill given the lockdown measures on their operations, local industry players say demand for commodities such as palm oil, tin, steel and timber and their related products will remain low for at least the next three to six months.	
4.	My Metro	<p>Grab tambah lima pasar di Selangor</p> <p>Grab akan menambah lima lagi pasar di sekitar Selangor dalam perkhidmatan Pasar by GrabMart sejajar usahanya untuk memperkasa dan memastikan perniagaan kecil tradisional serta usahawan mikro tidak terpinggir dalam peralihan Malaysia sebagai negara digital.</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/04/570987/grab-tambah-lima-pasar-di-selangor
B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan			
5.	New Straits Times	<p>MCO: Malindo Air resumes limited domestic flights</p> <p>Malindo Air will resume its domestic services from Kuala Lumpur International Airport (KLIA) and Sultan Abdul Aziz Shah Airport in Subang from April 27, with a single daily flight to each of its domestic destinations.</p> <p>The domestic travels are within Peninsular Malaysia from Subang to Penang, Langkawi, Alor Setar, Kota Bharu, Kuala Terengganu, and Johor Baru.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/587372/mco-malindo-air-resumes-limited-domestic-flights
6.	Malay mail	<p>Major revenue losses seen for toll road operators</p> <p>Malaysian Rating Corp (MARC) sees major revenue losses across MARC-rated highway operators</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/25/major-revenue-losses-

		<p>since the imposition of the MCO on March 18.</p> <p>The impact from the COVID-19 outbreak and the ensuing MCO has created a challenging environment for the toll road sector.</p>	seen-for-toll-road-operators
C. Subsektor Makanan & Minuman			
7.	The Star	<p>Allow us to open on 'one table, one diner' basis, say coffee shop owners</p> <p>Coffee shop operators are urging the government to allow them to operate during the MCO period on the basis of 'one table, one diner'.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/25/allow-us-to-open-under-039one-table-one-diner039-rule-say-coffee-shop-owners
D. Subsektor Kewangan			
8.	The Star	<p>Investment banking facing increasing pressure</p> <p>The banking sector is facing increasing pressure by the day with expected further interest rate cuts, which will curb the income growth of lenders, and slowing consumer spending which shows no signs of recovering soon, the outlook is far from rosy due to pandemic Covid-19.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/25/investment-banking-facing-increasing-pressure
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Syarikat pengedar kereta mewah mencatatkan kerugian dua kali ganda berbanding tahun lalu iaitu RM9.7 juta berbanding RM4.36 juta setahun lalu. 2. Minyak sawit mentah Malaysia dijangka kekal rendah di pasaran Bursa Malaysia akibat jangkaan peningkatan pada stok kerana pengeluaran yang tinggi. 3. Permintaan pasaran komoditi bagi minyak sawit, timah, keluli dan kayu dan produk yang berkaitan dilihat rendah, namun ini terkecuali bagi pembuatan sarung tangan getah. 			

4. Syarikat e-hailing terkemuka di Malaysia akan menambah lima lagi pasar di sekitar Selangor dalam perkhidmatan pasar atas talian mereka sejajar usaha untuk memperkasa dan memastikan perniagaan kecil tradisional serta usahawan mikro tidak terpinggir dalam peralihan Malaysia sebagai negara digital.
5. Bermula 27 April 2020, syarikat penerbangan komersial akan menyambung penerbangan domestik mereka dalam Semenanjung Malaysia iaitu dari KLIA dan Subang ke Pulau Pinang, Langkawi, Alor Setar, Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Johor Bahru.
6. Pengendali jalan tol di Malaysia mencatatkan kerugian besar disebabkan kekurangan pergerakan kenderaan sejak pelaksanaan PKP.
7. Pengusaha kedai kopi memohon pertimbangan kerajaan untuk membolehkan mereka beroperasi dengan menawarkan perkhidmatan *dine-in* dengan konsep “*one table, one diner*”
8. Bank pelaburan turut terkesan dengan pandemik COVID 19 yang melanda Malaysia. Pada suku pertama tahun ini, jumlah nilai pengumpulan dana ekuiti berjumlah kira-kira RM438 juta, jatuh 84% daripada RM2.7 bilion pada tempoh yang sama tahun lalu.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pendekatan digital ekonomi bagi program membeli belah secara atas talian bagi pengusaha barang keperluan sekaligus membantu pengusaha runcit meningkatkan pendapatan sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.
2. Penerbangan domestik dalam semenanjung dapat meningkatkan semula trafik penumpang terutama pada akhir April dan Mei 2020 susulan kelonggaran PKP yang diberikan oleh kerajaan. Namun, bilangan penumpang dijangka masih terhad.
3. Kekurangan kenderaan di jalanraya dan lebuh raya sekaligus memberi kesan kepada industri lebuh raya dan industri jualan runcit petrol.
4. Berdasarkan laporan Banci Ekonomi 2016, terdapat 6,664 pertubuhan pada tahun 2015 dikategorikan sebagai kedai kopi dengan nilai ditambah sebanyak RM1,316.9 juta dan bilangan pekerja 30,764.

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)

Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star	<p>Majuperak Holdings to expand energy ops through JV</p> <p>Majuperak Holdings Bhd (MHB) is set to expand its energy business through a joint-venture (JV) agreement.</p>	<p>https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/25/majuperak-holdings-to-expand-energy-ops-through-jv</p>

		<p>The agreement was signed between Majuperak Energy Resources Sdn Bhd, a wholly-owned subsidiary of MHB, and Petrolife Aero Sdn Bhd, an integrated energy company and a government-licensed importer and distributor of LNG and natural gas.</p> <p>The JV also enables Majuperak Energy Resources Sdn Bhd to leverage on Petrolife's third-party access licence to import and distribute LNG and natural gas supply in Perak.</p>	
2.	Free Malaysia Today	<p>20 pihak berkuasa pelabuhan dunia tandatangan deklarasi kekal perdagangan laut hadapi Covid-19</p> <p>Dua puluh pihak berkuasa pelabuhan di seluruh dunia termasuklah Lembaga Pelabuhan Klang, Abu Dhabi Ports, Bureau of Port and Harbor, Hamburg Port Authority, Montreal Port Authority dan Port of Rotterdam menandatangani deklarasi untuk mengekalkan pelabuhan mereka terbuka kepada perdagangan laut bagi menyokong usaha memerangi pandemik Covid-19.</p> <p>Menerusi deklarasi bersama ini, penandatangan komited untuk bekerjasama dan memastikan, antara lainnya, kapal pedagang boleh terus berlabuh di terminal pelabuhan bagi menjalankan operasi kargo dan</p>	<p>https://www.freemalaysia.com/category/bahasa/2020/04/25/20-pihak-berkuasa-pelabuhan-dunia-tandatangan-deklarasi-kekal-perdagangan-laut-hadapi-covid-19/</p>

		mengekekalkan pergerakan rantai bekalan global.	
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Majuperak Energy Resources Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Majuperak Holdings Bhd menubuhkan usaha sama (JV) dengan Petrolife Aero Sdn Bhd yang merupakan pengimport gas asli dan gas asli cecair (LNG). Perjanjian ini membolehkan Majuperak Energy Resources Sdn Bhd untuk membekalkan gas asli dan gas asli cecair (LNG) kepada kawasan komersial, pejabat termasuk perindustrian di Perak. 2. 20 pihak berkuasa pelabuhan di seluruh dunia termasuklah Lembaga Pelabuhan Klang menandatangani deklarasi untuk mengekalkan pelabuhan masing-masing terbuka kepada perdagangan laut bagi menyokong usaha memerangi pandemik COVID-19. Menerusi deklarasi bersama ini, penandatanganan komited untuk bekerjasama dan memastikan, antara lainnya, kapal pedagang boleh terus berlabuh di terminal pelabuhan bagi menjalankan operasi kargo dan mengekalkan pergerakan rantai bekalan global. 			
<p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Nilai import gas asli dan gas asli cecair (HS 2711) pada tahun 2019 ialah RM7.0 bilion. Sumber utama import ialah dari Australia (RM3.6 bilion, 51.4%), Brunei Darussalam (RM1.6 bilion, 23.4%) dan Indonesia (RM960.3 juta, 13.8%). Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimport gas asli dan gas asli cecair bernilai RM696.0 juta. Berasaskan tahun ke tahun, import meningkat RM377.8 juta atau 118.7% daripada RM318.3 juta. Manakala, nilai eksport gas asli dan gas asli cecair ialah RM44.3 bilion. Malaysia mengeksport gas asli dan gas asli cecair ke Jepun (RM16.3 bilion, 36.8%), China (RM10.4 bilion, 23.5%) dan Korea (RM7.5 bilion, 17.0%). Pada bulan Februari 2020, eksport gas asli dan gas asli cecair bernilai RM3.6 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, eksport meningkat RM219.3 juta atau 6.4% daripada RM3.4 bilion. 2. Terdahulu, rantai bekalan barangan antarabangsa dikhuatiri terjejas ekoran penularan wabak COVID-19, apabila banyak negara dilihat mengamalkan sikap 'nasionalistik ekonomi'. Usaha pihak berkuasa pelabuhan di seluruh dunia menandatangani deklarasi untuk mengekalkan pelabuhan masing-masing terbuka kepada perdagangan laut diharap dapat mengekalkan pergerakan rantai bekalan global. 3. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak COVID-19. 			

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	New Straits Times	<p>Ditrolic Solar secures RM70mil loan from Maybank</p> <p>Ditrolic Solar Group's subsidiary Ditrolic Energy Solution Sdn Bhd has secured a RM70mil loan from Maybank for its SunLease programme in Malaysia.</p>	https://www.nst.com.my/business/2020/04/587133/ditrolic-solar-secures-rm70mil-loan-maybank
2.	New Straits Times	<p>Weaning off foreign labour</p> <p>From the food industry to construction, foreign workers help keep the nation running at a low cost, but with Covid-19 disrupting jobs and workplaces, it may be time to wean off our dependency on them.</p>	https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2020/04/587292/weaning-foreign-labour
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Program Ditrolic SunLease diwujudkan untuk membina dan memasang sistem <i>photovoltaic solar</i> (PV) 30MW bagi menjana elektrik yang lebih murah untuk pengguna di Malaysia. 2. Dianggarkan pekerja asing mewakili sepertiga daripada 15 juta tenaga kerja dalam Negara. 			
<p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Stesen janakuasa cogen dan sistem solar PV mampu mengurangkan kehilangan tenaga dan menyediakan sumber tenaga yang lebih lestari. 2. Semakan data pekerja dan penglibatan warga asing dalam tenaga kerja sektor industri. 			
E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Sun Daily	<p>Maxis net profit slips 12% in Q1</p> <p>Maxis Bhd's net profit for the first quarter fell 12% to RM358 million from RM409 million a year ago mainly due to loss of wholesale business and higher impairment made to receivables as the group revised the expected loss rates in</p>	https://www.thesundaily.my/business/maxis-net-profit-slips-12-in-q1-LY2331049

		<p>view of the Covid-19 pandemic and its impact on economies worldwide which has caused a significant increase in credit risk. Its revenue jumped 5% to RM2.34 billion compared with RM2.23 billion in Q1 2019. Service revenue excluding wholesale stood at RM1.93 billion, 2.8% growth versus RM1.88 billion recorded in Q1 2019 due to the strong growth in postpaid and fibre business. For its enterprise business, strong partnerships during the quarter enabled it to offer new solutions and deliver even more value to businesses in Malaysia.</p>	
2.	Berita Harian	<p>Rakyat Malaysia terkandas di negara Asia Barat selamat pulang</p> <p>Lebih 400 rakyat Malaysia hari ini selamat tiba ke tanah air melalui proses repatriasi dikendalikan Kementerian Luar, selepas terkandas di beberapa negara di Asia Barat, disebabkan ketiadaan penerbangan pada masa ini akibat penularan COVID-19. Rakyat Malaysia yang terkandas di Arab Saudi, Algeria, Tunisia, dan Maghribi telah tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) tengah hari tadi. Seramai 91 rakyat Malaysia yang terkandas di Arab Saudi, telah tiba di KLIA dengan menaiki pesawat Malindo Air. Mereka sebelum itu menaiki pesawat bantuan kemanusiaan Saudia Airlines yang dihantar oleh kerajaan Singapura, bagi membawa pulang warganya dari</p>	<p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/681335/rakyat-malaysia-terkandas-di-negara-asia-barat-selamat-pulang</p>

		Arab Saudi. Seramai 312 warga Malaysia yang terkandas di Algeria, Tunisia dan Maghribi tiba di sini dengan menaiki pesawat sewaan khas Air Asia X. Penumpang dari Maghribi yang mengikuti penerbangan pulang ini diterbangkan khas dari Maghribi ke Algeria, untuk turut serta dalam misi repatriasi tersebut	
3.	Berita Harian	Bursa Malaysia berakhir rendah Bursa Malaysia ditutup rendah hari ini berikutan penjualan berterusan dalam kaunter barangan pengguna dan perkhidmatan kewangan terpilih, dan prestasi itu sejajar dengan sentimen lemah di pasaran serantau. Pada 5 petang, FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) susut 11.79 mata kepada 1,369.85 daripada 1,381.64 ketika ditutup semalam. Jumlah dagangan susut kepada 4.69 bilion saham bernilai RM2.49 bilion daripada 5.05 bilion saham bernilai RM2.58 bilion ketika penutupan pada Khamis.	https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/04/681285/bursa-malaysia-berakhir-rendah

Penemuan penting & isu:

1. Keuntungan bersih Maxis Bhd pada suku pertama 2020 jatuh 12% kepada RM358 juta berbanding RM409 juta tahun lepas yang disebabkan oleh kehilangan perniagaan borong dan kemerosotan nilai yang lebih tinggi dibuat kepada penghutang selepas Maxis menyemak semula kadar kerugian berikutan pandemik COVID-19.
2. Lebih 400 rakyat Malaysia hari ini selamat tiba ke tanah air melalui proses repatriasi dikendalikan Kementerian Luar, selepas terkandas di beberapa negara di Asia Barat kerana ketiadaan penerbangan pada masa ini semasa penularan COVID-19.
3. Sentimen yang lemah di pasaran dan penjualan berterusan dalam kaunter barangan pengguna dan perkhidmatan kewangan terpilih menyebabkan Bursa Malaysia ditutup rendah. Pada pukul 5 petang, FTSE Bursa Malaysia KLCI

(FBM KLCI) jatuh kepada 1,369.85 daripada 1,381.64 ketika ditutup semalam dengan penurunan sebanyak 11.79 mata.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kejatuhan dalam keuntungan bersih Maxis Bhd pada suku pertama 2020 akan mempengaruhi penyusunan statistik Akaun Semasa dan Akaun Kewangan.
